

# Peningkatan Saiz Dana ASM Sebanyak RM5 bilion

1. Berapakah peningkatan saiz dana ASM?

---

**Saiz dana ASM ditingkatkan sebanyak RM5 bilion.**

2. Bilakah tarikh efektif?

---

**Bermula 1 Mei 2023.**

3. Mengapa saiz dana ditingkatkan?

---

**Untuk menggalakkan budaya menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia dan memberi peluang untuk memanfaatkan ASM sebagai tabungan jangka panjang. Ini dapat membantu pelabur untuk mencapai matlamat kewangan masing-masing.**

4. Siapakah yang layak?

---

**Semua rakyat Malaysia sama ada pelabur sedia ada mahupun pelabur baharu.**

# Peningkatan Saiz Dana ASM Sebanyak RM5 bilion

5. Apakah syarat pelaburan yang dikenakan?

---

**Bermula 1 Mei sehingga 31 Julai 2023, setiap pelabur ASM dikenakan syarat-syarat berikut:**

- 1. Had pelaburan tambahan ditetapkan sehingga RM100,000.**
- 2. Sebarang pengeluaran tidak akan mengubah had pelaburan tambahan yang ditetapkan.**
- 3. Transaksi penukaran atau pemindahan tidak dibenarkan.**

6. Bilakah saya boleh membuat pelaburan tambahan ASM?

---

**Bermula 1 Mei 2023 melalui platform digital myASNB atau perbankan internet. Manakala pelaburan tambahan menerusi kaunter cawangan dan ejen ASNB pada 2 Mei 2023.**

7. Adakah pelaburan menerusi pakej Financial Planning Solution Package, FPSP tertakluk kepada had pelaburan tambahan?

---

**Tidak. Pelabur boleh membuat pelaburan tambahan melalui pakej FPSP tanpa menjejaskan had pelaburan tambahan tersebut.**

8. Apakah had pelaburan tambahan selepas 31 Julai 2023?

---

**Tiada had, tertakluk kepada baki unit yang masih ada.**